

Garis panduan Akta Iltizam reformasi urus tadbir awam

Putrajaya: Garis panduan pelaksanaan Akta Iltizam Kecekapan Kerajaan yang bakal dilancarkan awal bulan depan, dijangka menjadi pemangkin penting dalam reformasi tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan awam.

Pengarah Eksekutif Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Ahmad Jefry Aziz, berkata garis panduan itu akan menuntut setiap kementerian menilai semula dasar serta peraturan secara berkala bagi memastikan keberkesanan dan kesesuaiannya.

Beliau berkata, garis panduan itu akan dilancarkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sham-sul Azri Abu Bakar sempena Program Rancangan MADANI yang berlangsung dari 5 hingga 7 Disember ini bagi melengkapkan pelaksanaan Akta Iltizam yang diluluskan Parlimen pada

Mac lalu.

"Akta Iltizam akan menjadi pemacu struktur baharu dalam budaya kerja perkhidmatan awam dengan memperkenalkan prinsip 'One In, One Out', iaitu setiap kali peraturan baharu diperkenal, satu peraturan lama mesti dimansuhkan.

"Ia adalah *game changer* untuk reformasi perkhidmatan awam kerana kementerian perlu menyamak garis panduan, dasar dan akta setiap tiga tahun bagi mengelakkan pertindihan yang boleh meningkatkan kerenah birokrasi," katanya dalam temu bual baru-baru ini.

Beliau menegaskan akta itu bukannya bertujuan menghukum, sebaliknya menjadi mekanisme penilaian kepatuhan kementerian yang akan mencerminkan prestasi serta komitmen mereka terhadap agenda reformasi.

BERNAMA